

Selebriti Sokongan Riben Merah 2012 14 selebriti bersatu menentang HIV/AIDS

PETALING JAYA, 20 APRIL 2012 - Majlis AIDS Malaysia (MAM) dengan rasminya mengumumkan barisan Selebriti Sokongan Riben Merah untuk tahun 2012. Pelancaran program berkenaan telah disempurnakan oleh Tan Sri Mohd Zaman Khan, Presiden MAM di ECOBA Restaurant & Bar pada hari ini. ECOBA Restaurant & Bar merupakan lokasi rasmi bagi acara ini.

Program Selebriti Sokongan Riben Merah telah diasaskan pada tahun 2009. Keanggotan program ini dibuka kepada personaliti media dan hiburan ternama negara yang menzahirkan komitmen mereka secara sukarela bagi melakukan kerja-kerja kebajikan untuk mereka yang hidup dengan HIV. Selain itu, para selebriti ini juga melibatkan diri secara aktif dalam mendidik masyarakat tentang isu-isu yang berkaitan dengan HIV dan AIDS, terutamanya tentang stigma dan diskriminasi.

Program ini kini dianggotai oleh Datuk Siti Nurhaliza, Datin Paduka Umie Aida, Faizal Tahir, Fahrin Ahmad, Dayang Nurfaizah, Owen Yap, Shah Shamshiri, Zainal Alam Kadir, Winnie K, Joey G, Aanantha dan Uthaya. Demi menjamin keberkesanan mesej yang hendak disampaikan kepada masyarakat, setiap seorang daripada mereka diberi tanggungjawab untuk menggalas portfolio yang dekat dengan peminat mereka.

Untuk tahun 2012, Selebriti Sokongan Riben Merah telah mengalu-alukan penyertaan dua bintang ternama. Bob Yusof, penyanyi kelahiran Sarawak yang juga finalis program bakat realiti TV telah menyertai barisan Selebriti Sokongan Riben Merah pada bulan Disember 2011 dengan mengambil alih peranan sebagai jurucakap untuk program pendidikan HIV.

Program Selebriti Sokongan Riben Merah turut mengalu-alukan kehadiran Aaron Aziz, pelakon ternama dan juga pemenang Artis Paling Popular *Anugerah Bintang Popular Berita Harian 2011/2012*, yang telah diberi amanah untuk memegang portfolio HIV dan Remaja.

“Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Majlis AIDS Malaysia kerana memberi peluang kepada saya untuk menyumbang kepada masyarakat. Saya menganggap penglibatan saya ini sebagai satu bentuk amal jariah, dan tanda ingatan tulus ikhlas saya buat rakyat Malaysia yang telah menyokong saya selama ini. Saya juga percaya bahawa sudah sampai masanya untuk kita bertindak dengan lebih serius dalam menangani penularan jangkitan HIV dan AIDS. Orang ramai, terutamanya golongan muda seharusnya lebih prihatin dengan isu HIV/AIDS serta bertanggungjawab terhadap kesihatan diri mereka.”



Tan Sri Mohd Zaman Khan turut mengulas, “Sungguhpun wujud perubahan positif dalam respon terhadap permasalahan HIV dan AIDS di negara kita, tekanan stigma dan diskriminasi telah menyebabkan mereka yang hidup dengan HIV terus dipinggirkan oleh masyarakat. Prejudis terhadap golongan ini juga masih menebal, dan ramai di antara kita yang merasakan bahawa mereka tidak perlu ambil tahu tentang langkah-langkah pencegahan HIV. Saya berharap melalui sokongan padu yang diberikan oleh para Selebriti Riben Merah ini, kita akan dapat mencapai sasaran unggul kita , *Menuju Sifar* iaitu *Sifar Jangkitan Baru HIV, Sifar Kematian Kerana AIDS dan Sifar Stigma dan Diskriminasi*.

Majlis AIDS Malaysia

Majlis AIDS Malaysia (MAM) ditubuhkan pada tahun 1992 sebagai organisasi ‘payung’ yang bertanggungjawab untuk menyokong dan menyelaraskan usaha-usaha organisasi bukan kerajaan (NGO) yang berkerja di lapangan HIV/AIDS. MAM menjalinkan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa, untuk memastikan respon terhadap epidemik HIV/AIDS oleh NGO adalah komited dan efektif. Selain melaksanakan program pencegahan, rawatan, jagaan dan sokong bantu HIV di seluruh negara, MAM dan Ahli-Ahli Gabungan bertindak mewakili suara komuniti-komuniti yang terjejas oleh HIV/AIDS. Layari www.mac.org.my untuk keterangan lanjut.

Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi:

Jabatan Media & Komunikasi, Majlis AIDS Malaysia

Erni Zawawi	+6017-232 6756	erni@mac.org.my
Meera Abi	+6016- 4146400	meera@mac.org.my

[TAMAT]